

**SEGERA**



## **KENYATAAN MEDIA**

### **KENYATAAN BALAS MENGENAI PEMBINAAN PROJEK LEBUHRAYA PANTAI BARAT YANG DIKELUARKAN OLEH SUARA RAKYAT**

**KAJANG, 04 Mei 2018** – Lembaga Lebuhraya Malaysia ingin memaklumkan bahawa kerja-kerja pembinaan Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat dari Taiping ke Banting (WCE) melibatkan pembinaan daripada pihak swasta (pemegang konsesi) yang melibatkan jajaran baru sepanjang 233km manakala menaik taraf Jalan Persekutuan 5 (FR5) sedia ada sepanjang 81.5km dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Di bawah Perjanjian Konsesi Lebuhraya WCE yang telah ditandatangani pada 2 Januari 2013, Lebuhraya WCE dijadualkan siap secara berperingkat di antara tahun 2016 hingga 2018. Walaubagaimanapun, jadual pembinaan ini telah disemak semula dan lebuhraya berkenaan dijangka siap secara berperingkat bermula tahun 2019, yang disebabkan antaranya isu penentuan semula jajaran dan isu tanah.

Bagi pakej di bawah konsesi, pembinaan melibatkan jajaran Negeri Selangor sepanjang 93.8 km manakala jajaran Negeri Perak, 139.2 km dengan kos pembinaan sebanyak RM5.044 billion dengan pecahan mengikut Negeri Selangor, RM3.122 bilion manakala Perak, RM1.922 billion. Pada masa yang sama, pihak JKR juga sedang giat menjalankan kerja-kerja menaik taraf Jalan Persekutuan (FR5) bermula dari Tanjung Karang, Selangor sepanjang 50km dan berakhir di Hutan Melintang, Perak dan dari Teluk Intan, Perak hingga ke Kampung Lekir, Perak sepanjang 31.5km. Kemajuan semasa keseluruhan projek telah melebihi 50% dan kerja-kerja di tapak sedang giat dilaksanakan kecuali yang melibatkan Seksyen 7 dari Assam Jawa ke Tanjung Karang."

Ketua Pengarah

Lembaga Lebuhraya Malaysia



04 Mei 2018

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Perhubungan Awam, Bahagian Sumber Manusia dan Korporat | Lembaga Lebuhraya Malaysia**

☎ : 03- 8738 3000 / D.L :03-8738 2506 / 2515 / 2692 | 📠 : 03-87383555

🌐 Laman Web : [www.llm.gov.my](http://www.llm.gov.my) |  Lembaga Lebuhraya Malaysia |  @infotrafikllm |

✉ aduan@llm.gov.my